

12/08/2002

Rundingan di Bali belum selesai

Mior Kamarul Shahid

SIAPA yang pernah melawat Bali, Indonesia, pastinya boleh bercerita panjang dari sudut pandangan, minat dan pengalaman masing-masing. Kalau orang seni, inilah salah satu tempat paling kaya dengan beraneka corak seni budayanya. Ramai belia Jepun, terutama wanita, sanggup tinggal di Bali untuk beberapa waktu, hanya mahu belajar seni tari yang lemah gemalai itu. Kalau minat kepada ukiran kayu atau batu, mereka boleh melihatnya dijual di tepi-tepi jalan. Kebanyakan ukiran batu ialah simbol agama seperti patung dewa Hindu dan binatang. Melihatkan begitu banyak ukiran batu yang dilonggokkan di tepi jalan sebagai pameran jualan, boleh diandaikan betapa orang Bali begitu kuat bekerja. Bukanlah mudah untuk memahat dan mengukir batu hingga menjadi satu bentuk yang begitu halus pembuatannya. Kalau dilihat cara makan mereka, ada yang hanya makan nasi berlaukkan keropok saja.

Begitu juga kepada mereka yang sukakan lukisan, ratusan galeri tersedia di mana saja. Harganya berpatutan, cuma jika ia karya orang yang sudah meninggal dunia, harganya lebih mahal sedikit. Bagi yang suka menjamu mata, Pantai Kuta dekat Denpasar, adalah tempatnya. Kalau inginkan kesunyian, banyak hotel atau tempat peranginan yang terletak di pinggir hutan atau di tengah-tengah sawah padi.

Terpulanglah kepada kemampuan kerana ada villa di pusat peranginan mewah yang disewakan mencecah angka RM5,000 hingga RM12,000 untuk semalam. Bagi rumah tumpangan dengan harga yang berpatutan juga mudah didapati di sekitar Bali.

Bali juga kaya dengan majlis agama Hindu di mana boleh dikatakan setiap hari ada saja upacara agama diadakan di pura atau kuil-kuil. Kira-kira 90 peratus daripada anggaran tiga juta penduduk Bali adalah penganut Hindu. Sebahagian daripada hasil kutipan derma atau bayaran upah kegiatan yang dijalankan oleh pelbagai kumpulan di Bali seperti kumpulan budaya dan sebagainya didermakan kepada pura sebagai belanja operasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berkunjung ke Bali minggu lalu tidak sempat menyaksikan semua kegiatan di bumi Bali. Masa beliau dihabiskan dengan berunding dengan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri, dan perwakilan Indonesia. Isu yang dianggap paling penting diselesaikan ialah mengenai kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia ke Malaysia. Malaysia tidak mempunyai halangan menerima rakyat Indonesia untuk bekerja dalam bidang-bidang tertentu asalkan kedatangan mereka mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan. Sememangnya Malaysia masih bergantung kepada pekerja asing untuk membantu melaksanakan projek pembangunan dan kerja di ladang-ladang. Untuk masuk ke negara ini dan memudahkan mereka mendapat kerja, mestilah lengkap dengan dokumennya. Dengan adanya dokumen yang diperlukan, keselamatan mereka lebih terjamin. Masalah timbul ialah apabila mereka masuk mengikut jalan pintas - secara haram. Apabila terlalu ramai yang masuk tanpa kebenaran, maka ramailah pula yang tidak mendapat pekerjaan. Walaupun mudah mendapat kerja, tidak semestinya semuanya bernasib baik.

Majikan yang menjaga kepentingan perniagaan mereka tidak akan menerima pekerja haram. Hanya majikan yang mahu untung berlipat ganda saja yang sanggup menerima mereka kerana boleh membayar gaji yang lebih murah. Tanpa kerja, tiada tempat tinggal yang sempurna. Akibat terdesak, mereka mudah dieksploitasi oleh majikan yang tidak bertanggungjawab. Ia bukan saja menimbulkan ketidakselesaan penduduk tempatan tetapi ia sudah menjadi

ancaman kepada keselamatan mereka. Paling membimbangkan ialah mereka melakukan perbuatan jenayah. Cara paling mudah ialah menghantar semula pekerja tanpa izin ini ke negara asal mereka sebagaimana dijalankan menerusi program pengampunan sekarang.

Dalam hal ini, Indonesia bersikap positif kerana menyedari ia adalah syarat yang wajib walau di mana-mana sekalipun. Tidak ada negara yang sanggup menerima begitu ramai pendatang tanpa izin kerana ia boleh menimbulkan masalah lebih besar. Jika ada persoalan pun mengapa perjanjian persefahaman (MoU) mengenai urusan penghantaran pulang pendatang asing ini tidak ditandatangani sewaktu lawatan berkenaan. Walaupun sudah dijadualkan, nampaknya masih ada perkara yang belum dapat diselesaikan. Apa yang tidak kena? Diharapkan ia dapat ditandatangani kemudian kerana ia penting bagi kedua-dua negara. Salah satu perjanjian yang ditandatangani ialah mengenai kerjasama Jabatan Imigresen kedua-dua negara tetapi ia lebih menjurus kepada urusan masuk-keluar di pintu-pintu masuk rasmi seperti penggunaan passport pintar dan sebagainya. Beberapa perjanjian lain yang turut ditandatangani termasuk penubuhan majlis perniagaan membabitkan kedua-dua negara, perlulah disusuli dengan tindakan.

Janganlah jadi ibarat pahat dan penukul. Apabila diketuk barulah bergerak. Hubungan Malaysia dan Indonesia sepatutnya menjadi contoh kepada hubungan lain kerana kedua-dua negara adalah jiran yang paling akrab. Sepatutnya tidak wujud perasaan prejudis terhadap Malaysia yang sedia membantu jirannya.

Sekiranya Malaysia membuka pintu pekerjaan kepada rakyat Indonesia, republik itu juga seharusnya memberi ruang seluas-luasnya kepada negara ini untuk bekerjasama dalam bidang-bidang yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak. Dr Mahathir sudah pun memberi jaminan bahawa dalam konteks hubungan Malaysia-Indonesia, rundingan boleh diadakan pada bila-bila masa dan tempat.